

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.4 (12)

19 Jun 2016
14 Ramadan 1437H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 14/2016

GARIS PANDUAN BAGI PERATURAN PERJALANAN KELUAR NEGARA STAF ATAS URUSAN RASMI

Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan surat daripada Kementerian Kewangan Bil. KK/BABB 10/72Jld.8(SK.1) (2) bertarikh 11 Mei 2016 berhubung Pematuhan Peraturan Perjalanan atas Tugas Rasmi Keluar Negara oleh Badan-badan Berkanun Persekutuan, Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 11/2016 pada 9 Jun 2016 telah bersetuju terhadap beberapa ketetapan kawalan untuk dilaksanakan bagi memastikan semua perjalanan keluar negara bagi staf UTM adalah benar-benar memberi impak yang signifikan kepada kepentingan negara selaras dengan Pekeliling PB3.3 – “Garis Panduan Langkah-langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan” bertarikh 11 Mac 2016 seperti berikut:

- i) Staf yang LAYAK dipertimbangkan untuk perjalanan keluar negara adalah mereka yang mendapat penajaan luar sepenuhnya atau pembiayaan sendiri yang tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan kepada UTM. Pembiayaan luar termasuk Geran Industri dan Geran Antarabangsa bagi tujuan penyelidikan/ kursus / latihan / pembentangan kertas kerja / kerjasama / bengkel / seminar / pelawat akademik dan lain-lain.
- ii) Semua perjalanan keluar negara menggunakan peruntukan Mengurus Universiti, Geran Kerajaan, Badan Berkanun dan Tabung Amanah adalah **DITANGGUHKAN SEMENTARA** atas nasihat daripada Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT Kementerian Pendidikan Tinggi sehingga pemakluman selanjutnya.
- iii) Kelulusan Khas perjalanan keluar negara dengan kelulusan Naib Canselor yang menggunakan peruntukan Universiti adalah tertakluk kepada Indeks Prestasi Utama (KPI) dengan disyaratkan pihak kedua telah memberi pra komitmen atau persetujuan bagi tujuan pengambilan pelajar atau pemberian dana / geran atau sekiranya perjalanan tidak dilaksanakan akan melibatkan implikasi perundangan kepada universiti mahupun negara.

Sehubungan dengan kawalan di atas, pihak Kementerian telah menetapkan prosedur baharu bagi Pegawai melulus staf kelulusan keluar negara staf UTM bagi urusan rasmi seperti mana Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 : Jadual Proses Kelulusan Keluar Negara atas Urusan Rasmi


PROSES	KATEGORI STAF			
	NC	TNC dan Pegawai Kanan	Semua Staf (Pembiayaan sendiri)	Semua Staf (Geran)
Permohonan	NC	TNC dan Pegawai Kanan	Semua Staf (Pembiayaan sendiri)	Semua Staf (Geran)
Pengesahan 1	Pengerusi LPU	PSM PTJ	<ul style="list-style-type: none"> • PSM PTJ • Dekan/Ketua PTJ 	<ul style="list-style-type: none"> • PSM PTJ • Dekan/Ketua PTJ
Pengesahan 2	KSU KPT	NC		(Penyelidikan) <ul style="list-style-type: none"> • Urus Setia RMC • Pengarah RMC
Pengesahan 3	-	Pengerusi LPU	<ul style="list-style-type: none"> • Urus Setia Pejabat TNC • TNC 	Urus Setia TNC(PI)
Pengesahan 4	-	-	<ul style="list-style-type: none"> • Urus Setia Pejabat NC • NC 	<ul style="list-style-type: none"> • Urus Setia Pejabat NC • NC
Pengesahan 5	-	-	Pengerusi LPU	Pengerusi LPU
Kelulusan	KSN	KSU KPT	KSU KPT	KSU KPT

Sebagai makluman garis panduan baharu ini adalah berkuat kuasa serta merta sehingga pemakluman baharu dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN

Pendaftar

- s.k. - YBhg. Naib Canselor
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
- Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah